



People's Association

道义居民联系网

TOH YI RESIDENTS' NETWORK

c/o 4 Toh Yi Drive #01-217 Singapore 590004 Tel: 6468 3502





Residents' Network

7 September 2020

Para penduduk estet Toh Yi yang dikasihi,

PROGRAM PENINGKATAN RUMAH (HIP) UNTUK PENDUDUK TOH YI

Dalam surat saya yang bertarikh 8 Januari 2020, saya telah memberitahu anda bahawa saya telah memohon HIP bagi pihak estet Toh Yi (Blok 1 - 19), melalui Majlis Bandaran Holland-Bukit Panjang, dan sedang menunggu kelulusan pihak MND serta HDB. Saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa estet Toh Yi telah dipilih dalam kumpulan projek HIP yang akan datang. Di samping itu, estet Toh Yi akan mendapat kelengkapan dan kemasan bermutu tinggi serta reka bentuk baru untuk rak pengering pakaian luar.



Rak pengering pakaian boleh lipat dengan ampaian yang dipanjangkan dalam rangka untuk mengeringkan pakaian (kiri) dan dengan ampaian yang terlipat apabila menyidai atau mengambil pakaian (kanan)

- 2 Program Peningkatan Bagi Warga Emas Aktif (EASE) yang menjadikan rumah HDB lebih mesra warga emas juga akan ditawarkan sebagai sebahagian daripada HIP. Isi rumah warga Singapura akan mendapat subsidi yang tinggi.
- 3 HDB akan bersiap sedia untuk melibatkan pasukan kontraktor Reka Bentuk & Binaan bagi melaksanakan kerja-kerja HIP. Pihak kami akan bekerjasama rapat dengan HDB sepanjang projek ini. Kami akan umumkan maklumat lebih lanjut tidak lama lagi.
- 4 Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan HDB, anda boleh hubungi HDB Cawangan Clementi di nombor 1800-2255432 atau hantarkan e-mel kepada bcladmin@mailbox.hdb.gov.sg.
- 5 Saya yakin dan penuh harapan bahawa HIP akan memberikan nafas baru kepada kediaman kita di Toh Yi dan meningkatkan keselesaan hidup harian kita. Terima kasih atas sokongan, persefahaman dan kesabaran anda.

Yang benar,

Cik Sim Ann

Penasihat Akar Umbi untuk Pertubuhan-pertubuhan Akar Umbi Bukit Timah